

PENAWARAN **SKIM FELLO PASCA DOKTORAL (FPD)** **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

SESI PENGAMBILAN

SESI I: JANUARI 2025

SESI II: JUN 2025

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

CALON KEPADA PTJ

SESI I: DITENTUKAN OLEH PTJ

SESI II: DITENTUKAN OLEH PTJ

PTJ KEPADA URUSETIA R&I

SESI I: 31 OKTOBER 2024

SESI II: 30 APRIL 2025

KRITERIA PENYELIA

- Merupakan **staf akademik warganegara yang bertaraf tetap** dan **disahkan di dalam jawatan**.
- Melibatkan diri secara berterusan dalam penyelidikan, penerbitan dan penyeliaan.
- Melibatkan diri secara aktif sebagai penyelidik dalam tempoh lima (5) tahun terkini.
- Aktif di dalam penyelidikan dengan sentiasa menghasilkan output penyelidikan yang cemerlang dalam tiga (3) tahun terkini.
- Menerbit sekurang-kurangnya **tiga (3) penerbitan sebagai Penulis Utama (Corresponding)** atau **Penulis Pertama** dalam **tiga (3) tahun terkini** di dalam:

Bidang Sains

Jurnal berindeks **ISI Web of Science** termasuk **satu (1) penerbitan di dalam Q1/ Q2 JCR**.

Bidang Bukan Sains

Jurnal berindeks **SCOPUS** termasuk **satu (1) satu penerbitan di dalam Q1/ Q2 SCImago Journal Rank (SJR)** atau **JCR**. Keutamaan diberikan kepada penerbitan di dalam **JCR**.

- Mempunyai **geran penyelidikan luar yang aktif** sebagai **ketua penyelidik** dan **tempoh baki minimum adalah enam (6) bulan** pada tarikh permohonan.
- Mempunyai pengalaman **mengijazahkan pelajar PhD sebagai Penyelia Utama** (sekurang-kurangnya satu (1) orang pelajar PhD).
- Penyelia yang telah diluluskan cuti sabatikal (atau tidak lagi aktif di USM) tidak boleh memohon FPD.

KRITERIA CALON

- Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
- Mempunyai merit akademik dan output penyelidikan yang baik dalam **tiga (3) tahun terkini** terutamanya penerbitan:

Bidang Sains

Dua (2) penerbitan di dalam jurnal berindeks **ISI Web of Science (Q1/Q2** di dalam **Journal Citation Report (JCR) sahaja**) dengan **satu (1) daripada penerbitan sebagai Penulis Pertama**.

ATAU **Satu (1) Paten**.

Bidang Bukan Sains

Dua (2) penerbitan di dalam jurnal berindeks **Scopus** dengan **satu (1) daripada penerbitan sebagai Penulis Pertama**. Keutamaan diberikan kepada penerbitan di dalam **JCR**.

- Bidang lantikan adalah terbuka dan perlu bersesuaian dengan penyelia yang telah dikenal pasti mengikut pusat pengajian/ pusat kecemerlangan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Bidang Sains

Menghasilkan **dua (2) penerbitan** sebagai **Penulis Pertama** di dalam jurnal berindeks **ISI Web of Science (Q1/Q2** di dalam **Journal Citation Report (JCR) sahaja**).

Bidang Bukan Sains

Menghasilkan **dua (2) penerbitan** sebagai **Penulis Pertama** di dalam jurnal berindeks **Scopus (Q1/Q2** di dalam **SCImago Journal Rank (SJR)** atau **(JCR)** . Penerbitan di dalam jurnal **JCR** amat digalakkan.

- Penerbitan/KPI FPD akan diambil kira sebagai KPI tambahan kepada KPI sedia ada Penyelia yang telah ditetapkan Universiti.

KPI ini adalah kriteria utama penilaian dan pertimbangan bagi permohonan pelantikan semula (sekiranya ada).

TEMPOH PELANTIKAN

- Tempoh pelantikan adalah untuk **satu (1) tahun** dan boleh dipertimbangkan pelantikan semula berdasarkan **pencapaian KPI** calon.
- Pelantikan semula boleh dipertimbangkan (tertakluk kepada pencapaian KPI).
- Perlu melapor diri pada tarikh yang telah ditetapkan atau permohonan dianggap terbatal.

PELAN PERANCANGAN PENYELIDIKAN


- Kepentingan penyelidikan kepada bidang penyelidikan sedia ada di USM.
- Felo Pasca Doktoral tidak akan terlibat dalam membantu pengajaran.
- Mempunyai kaitan dengan geran penyelidikan penyelia.
- Keutamaan akan diberikan kepada bidang-bidang di bawah ***10-10 Malaysia Science, Technology, Innovation and Economy (MySTIE) Framework***.

FAEDAH & KEMUDAHAN

- Peluang untuk memperoleh dan meningkatkan pemahaman anda dalam bidang yang diminati.
- Mendapatkan bimbingan daripada penyelidik kami yang berpengalaman.
- Membina hubungan kerjasama untuk kemajuan profesional.
- Peluang untuk menerbitkan dalam jurnal yang bereputasi.
- Gaji/honorarium bulanan sebanyak RM 5,500.00.
- Kelayakan untuk kemudahan perubatan [di dalam Universiti]*.
- Empat belas (14) hari cuti tahunan.

*tertakluk kepada terma dan syarat

CARA PERMOHONAN

- 
- 1**
Kenal pasti seorang penyelia yang sesuai di USM, yang bidang kajiannya sejajar dengan bidang anda. Pencarian boleh dibuat melalui pautan <https://experts.usm.my/>
 - 2**
Hubungi penyelia yang dikenal pasti untuk perbincangan lanjut serta memastikan penyelia memenuhi semua kriteria yang ditetapkan oleh Universiti.
 - 3**
Muat Turun Borang Permohonan:
[Post-Doctoral Fellow \(usm.my\)](https://usm.my)
 - 4**
Borang Permohonan perlu dihantar melalui Pusat Pengajian/Pusat Kecemerlangan/Pusat Perkhidmatan penyelia.